

MPOB menang besar dalam ITEX 2014

» Raih 17 pingat emas, 14 perak dan satu gangsa menerusi 11 kategori

Oleh Raja Nurfatimah Mawar Mohamed, Alzahrin Alias dan Nasuha Badrul Huzaini
bhminggu@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mencatat sejarah apabila memenangi 17 pingat emas dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan dalam Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-25 (ITEX 2014).

Selain pingat emas, penyelidik MPOB turut merangkul 14 pingat perak dan satu pingat gangsa pada pameran yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur itu.

Secara keseluruhannya, MPOB menghantar 32 penyertaan dalam 11 kategori dan semua penyertaan berkenaan berjaya memenangi pingat. Ia adalah penyertaan tertinggi daripada MPOB sepanjang lebih 10 tahun menyertai ITEX.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, berkata beliau berasa gembira dengan kemenangan besar yang diraih pihaknya kerana beliau sering menggalakkan penyelidik MPOB untuk menyertai pameran antarabangsa bagi memimba pengalaman.

Pamer Inovasi

"Menerusi penyertaan dalam pameran seumpama ini, kami mempunyai peluang untuk mempamerkan inovasi

dan kreativiti baru dalam penyelidikan kami.

"Menang atau tidak bukanlah keutamaan MPOB kerana apa yang penting, penyelidik kami mempunyai semangat untuk bersaing. Ia memberi motivasi kepada mereka untuk berusaha dengan lebih gigih," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Katanya, penyertaan penyelidik MPOB dalam pameran antarabangsa

juga boleh memberi peluang kepada peserta industri untuk meneroka aspek pengkomersialan.

"Pada masa ini, MPOB mencatatkan kadar pengkomersialan yang konsisten setiap tahun iaitu sekitar 30 peratus. Ini bermakna, daripada 10 inovasi yang dicipta penyelidik kami, tiga daripadanya mendapat perhatian industri untuk dikomersialkan.

"Pengkomersialan yang dijalankan

akan membawa banyak manfaat kepada industri, komuniti serta masyarakat," katanya.

30 penyelidikan

Pemenang setiap kategori dipilih berdasarkan beberapa kriteria tertentu seperti penghasilan penyelidikan yang baru, keaslian inovasi, keberkesanan ciptaan dan beberapa aspek lain yang memenuhi syarat yang ditetapkan.

Yuen May berkata, MPOB turut menasarak untuk terus menghantar sekurang-kurangnya 30 penyelidikan terbaharu pada pameran yang sama tahun depan.

"Memandangkan kejayaan besar yang diraih MPOB pada pameran tahun ini, ia menyuntik semangat kami untuk meneruskan momentum yang sama pada tahun depan," katanya.



Dr Choo bersama kakitangan MPOB yang menerima pingat emas pada Malam Budaya Cipta di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, malam tadi.



Dr Idris ilhamkan inovasi teknologi hijau mengurangkan jangkitan fungus pada kelapa sawit.

Kajian lima tahun berbaloi

Penyelidikan selama lima tahun akhirnya memberikan kejayaan kepada penyelidik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Idris Abu Seman, 51, apabila ciptaannya diangkat sebagai pemenang Anugerah Inovasi Produk Terbaik Malaysia pada Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-25 (ITEX 2014).

Beliau yang sudah berkhidmat selama 27 tahun dengan MPOB tidak menyangka ciptaannya berjaya merangkul anugerah tertinggi ITEX 2014.

"Ini kali ketiga saya menyertai ITEX, tidak sangka berjaya kerana persaingan pada tahun ini sangat sengit. Banyak ciptaan yang berkualiti daripada penyelidik dalam dan luar negara.

"Pengorbanan yang dilakukan sejak tahun 2008 akhirnya memberikan satu pulangan bukan saja kepada saya tetapi kepada inovasi teknologi hijau dan sektor sawit," katanya.

Penyelidikannya mengenai inovasi teknologi hijau mengurangkan jangkitan fungus pada pokok kelapa sawit. Inovasi itu membantu menangani masalah jangkitan fungus dan

bakteria pada kelapa sawit sekali gus meningkatkan hasil pengeluaran.

Kurangkan bunyi

Hasil ciptaannya itu turut membantu mengurangkan kos penjagaan pokok kelapa sawit dari segi pembajaan dan kawalan penyemburan racun perosak sebanyak RM1.5 bilion setahun.

Seorang lagi penyelidik MPOB, Dr Ridzuan Ramli, turut merangkul pingat emas dalam kategori automotif dan pengangkutan menerusi penghasilan kepingan penyalap bunyi dalam kereta.

Ciptaan beliau berfungsi mengurangkan bunyi dan gegaran yang sering berlaku dalam kereta. "Kepingan ini ringan dan ia melepaskan bunyi dalam kereta. Produk ini menepati spesifikasi pawaian kenderaan seperti Proton dan Mitsubishi. Ia sudah dikomersialkan serta digunakan dalam model kenderaan seperti Hyundai, Mazda 3, Suzuki Swift dan Proton Preve sejak beberapa tahun lalu.

"Selain digunakan dalam kenderaan, ia juga boleh digunakan dalam bilik tidur untuk menjadikan bilik senyap dan tenang," katanya.

Pengorbanan sejak tahun 2008 beri pulangan bukan saja kepada saya tetapi juga inovasi teknologi hijau dan sektor sawit"

Dr Idris Abu Seman, Penerima Anugerah Inovasi Produk Terbaik Malaysia

PEMENANG PINGAT EMAS MPOB

Kategori Pertanian

© Dr Rajinder Singh, Leslie Low Eng Ti, Leslie Ooi Cheng Li, Meilina Ong Abdullah, Rajanaidu Nookiah, Ravigadevi Sambanthamurthy, Steven W Smith, Nathan Lakey, Rob Martienssen, Jared Ordway, Michael Hogan

© Dr S Ravigadevi, Dr Tan Yew Ai, Dr Kalyana Sundram, Dr Syed Fairus Syed Abu Bakar, Dr Leow Soon Sen, Che Anishas Che Idris, Dr Nagendran Balasundram, Datuk Dr Choo Yuen May

© Abdul Razak Jelani, Mohd Ikmal Hafizi Azaman, Abd Rahim Shuib, Aminulrashid Mohamed, Mohamad Fauzi Ismail, Dr Idrus Abu Seman

© Dr Idris Abu Seman, Sharifah Muzaimah Syed Aripin, Dr Ahmad Kushairi Din, Dr Norman Kamarudin, Madiah Ahmad Zairun, Dr Hamrin Kifli, Hee Chai

© Abd Rahim Shuib, Mohd Ramdhan Mohd Khalid, Aminulrashid Mohamed @ Ibrahim, Nordin Salleh

© Dr Meilina Ong Abdullah, Dr Ooi Siew Eng, Dr Leslie Low Eng Ti, Chan Pek Lan, Leslie Ooi Cheng Li, Feshah Ishak, Faizun Kadri, Dr Rajinder Singh

© Dr Ismail Ab Rahman, Sim KC, Dr Hazimah Abu Hassan

Kategori Automotif dan Pengangkutan

© Dr Ridzuan Ramli, Rohaya Mohamed Halim, Nasrin Abu Bakar, Dr Astimar Abdul Aziz, Zawawi Ibrahim

Kategori Bioteknologi, Kesihatan dan Recergasan

© Dr S Ravigadevi, Dr Tan Yew Ai, Dr Kalyana Sundram, Dr Syed Fairus Syed Abu Bakar, Dr Leow Soon Sen, Dr Leow Soon Sen, Dr Ng Mei Han, Datuk Dr Choo Yuen May

© Dr Ahmad Tarmizi Hashim, Zaiton Rasul, Rosli Md Yunus

© Dr Miskandar Mat Satri, Rafidah Abd Hamid, Teng Kim Tiu

Kategori Kimia

© Dr Astimar Abdul Aziz, Rosnah Mat Soom, Wan Hasamudin Wan Hassan, Waris Nove (M) Sdn Bhd, Lim Weng Soon, Choo Yuen May

© Dr Halimah Muhamad, Yeoh Chee Beng, Farah Khuwailah Ahmad Bustamam, Najwa Sulaiman, Nik Sasha Khatrina Khairuddin

Kategori Mesin dan Peralatan

© Rohaya Mohamed Halim, Dr Ridzuan Ramli, Nasrin Abu Bakar, Hasliyant Alias, Datuk Dr Choo Yuen May

Kategori Produk Penjagaan


© Dr Lim Wen Hui, Asma Don

Kategori Proses Pengilangan

© Zulina Abd Maurad, Dr Zainab Idris, Noor Azeerah Abas, Dr Hazimah Abu Hassan, Rosnah Ismail, Puaat Sapar, Azman Rafiei

Kategori Alam Sekitar dan Tenaga Diperbaharui

© Dr Vijaya Subramaniam, Ravi Menon, Choo Yuen May, Helmi Sin Abdullah



Pembantu Penyelidik dari UniMAP (dari kiri) Khairul Azmir Azuddin, Mohd. Rizal Mohamed Kastari dan Muhammad Najib Othman menunjukkan produk yang dikenali sebagai, "Sea-Eye Unmanned Surface Vehicle".

UniMAP bolot anugerah kategori pereka muda

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) meraih kemenangan 100 peratus pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 2014) dan Pameran Pereka Cipta Muda Asia (AYIE 2014), berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Kejayaan itu berikutan semua 84 produk yang dipertandingkan UniMAP berjaya meraih pingat iaitu 65 pingat emas, 17 perak dan dua gangsa.

Naib Canselor UniMAP, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin, berkata pencapaian yang diraih melepasi sasaran ditetapkan iaitu 40 pingat emas.

"Saya teruja dengan kejayaan besar yang diraih. Ini membuktikan bidang penyelidikan di UniMAP semakin berkembang dengan penghasilan produk baru berteknologi tinggi.

"Kejayaan ini menunjukkan

peningkatan mendadak UniMAP daripada tahun lalu apabila meraih tempat kedua dengan 32 emas, 26 perak dan satu gangsa daripada keseluruhan 60 produk yang dipertandingkan," katanya dalam satu kenyataan media, di sini, semalam.

ITEX 2014 berlangsung selama tiga hari bermula 8 hingga 10 Mei ini. Ia dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah.

Sebanyak 40 institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan antarabangsa menyertai pameran berkenaan tahun ini.

Tempat kedua diraih Universiti Teknologi Petronas dengan 26 pingat emas, 25 perak dan dua gangsa manakala Universiti Sains Malaysia (USM) di tempat ketiga dengan 19 pingat emas dan satu perak.

